

457

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti]

TARIKH : 15 Mac 2018

SOALAN : 29

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan membina baru Klinik Kesihatan Bekenu seperti yang pernah dijanjikan oleh Menteri Kesihatan dalam lawatan ke Bekenu pada April 2011 dan apakah status pembinaan klinik kesihatan Sepupok Niah.

Tuan Yang di-Pertua,

Bekenu dan Sepupok Niah adalah merupakan 2 buah pekan di dalam daerah Sibuti, Sarawak. Adalah dimaklumkan bahawa bagi kawasan Daerah Sibuti dengan penduduk seramai 50,000 orang telahpun mempunyai enam (6) buah Klinik Kesihatan (KK) iaitu **KK Bekenu**, **KK Tun Haji Openg**, **KK (Ibu dan Anak) Lambir**, **KK Batu Niah**, **KK Suai Tegageng** dan **KK Ladang 3**. Buat masa ini, **KK Bekenu** masih dapat menampung perkhidmatan kesihatan di pekan tersebut.

Mengenai permohonan untuk membina **Klinik Kesihatan di kawasan Sepupok**, ianya memang dalam senarai perancangan KKM untuk dipohon peruntukan bagi *Rolling Plan* ke 4 (dengan izin) yang akan datang. Klinik kesihatan ini akan menggunakan rekabentuk pelan piawai baru yang merangkumi kemudahan klinik kesihatan yang dilengkapi dengan fasiliti bilik bersalin dan wad pemerhatian.